

Kuktem raih anugerah teknologi maklumat

- BH/26 Dec '03 -

KOLEJ Universiti Kejuruteraan dan Teknologi Malaysia (Kuktem) diumumkan pemenang Anugerah Perdana Teknologi Maklumat (APTM) bagi kategori sektor awam pada majlis Penganugerahan Anugerah Kualiti Perdana, di Petaling Jaya, baru-baru ini.

Anugerah yang disampaikan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi itu diterima oleh Rektor Kuktem, Prof Datuk Dr Abu Azam Md Yassin pada majlis berkenaan.

Penolong Pendaftar (Perhubu-

ngan Awam) kolej universiti itu, Aszahari Jameri, berkata anugerah itu diraih menerusi aplikasi e-Management yang dilaksanakan institusi pengajian tinggi itu sejak tahun lalu.

Selain trofi dan sijil penghargaan, Kuktem menerima wang tunai RM10,000 dan kebenaran untuk menggunakan logo anugerah dalam semua urusan.

Kerajaan memperkenalkan APTM sejak 1999 bagi mengiktiraf agensi yang mengurus teknologi maklumat dan komunikasi secara

berkesan dan ia dibahagikan tiga kategori, iaitu sektor awam, swasta dan sosio-ekonomi.

Beliau berkata, kemenangan Kuktem itu diperoleh setelah menegenepikan 38 pencalonan agensi lain.

Sebelum ini, katanya, e-Management kolej universiti itu pernah memenangi Anugerah Merit pada Asia Pacific Information and Communication Technology Award 2003 dan terpilih ke peringkat akhir Anugerah Pikom-Computimes 2003.

Aszahari menjelaskan, e-Management adalah pendekatan strategik bagi mentadbir dan mengurus sebuah organisasi berteraskan teknologi tinggi dengan integrasi, automasi, kepintaran buatan dan tanpa kertas.

Beliau berkata, aplikasi itu merangkumi kesepaduan aspek pengurusan iaitu akademik, kakitangan, pelajar, sumber kewangan, pengetahuan, perpustakaan dan kad pintar serta disokong infrastruktur teknologi maklumat dan sistem keselamatan.